

LEMBARAN FAKTA UNTUK PENUMPANG PINDAHAN

Definisi 'penumpang pindahan'

Penumpang pindahan didefinisikan sebagai mana-mana penumpang yang memegang satu tiket, dijadualkan untuk berlepas dari sesuatu lapangan terbang di Malaysia dalam masa 24 jam dari masa ketibaan yang dijadualkan baginya ke sesuatu lapangan terbang lain di Malaysia atau negara lain, iaitu selain daripada lapangan terbang dari mana penumpang tersebut berlepas, sama ada:

- (a) dalam pesawat udara yang berlainan apabila penumpang tiba di lapangan terbang pertama; atau
- (b) dalam pesawat udara yang sama di mana penumpang tiba di lapangan terbang pertama tetapi dengan nombor penerbangan yang berlainan.

Contoh senario penumpang pindahan

Jenis <i>transfer</i>	Senario bagi penumpang pindahan	Adakah PSC <i>transfer</i> perlu dibayar?
1. <i>Transfer</i> dalam masa 24 jam	Penumpang yang tiba dari penerbangan antarabangsa/ domestik dan menyambung ke penerbangan antarabangsa/ domestik yang berada dalam kawasan transit dalam tempoh masa 24 jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan.	Ya, PSC <i>transfer</i> perlu dibayar.
2. Terlepas penerbangan semasa <i>transfer</i>	Penumpang yang terlepas penerbangan sambungan akibat kesalahan penumpang dan membeli tiket baru dari mana-mana syarikat penerbangan dengan nombor tiket baru.	Penumpang boleh meminta bayaran balik untuk PSC <i>transfer</i> dari syarikat penerbangan untuk sektor yang tidak digunakan (iaitu, sektor yang tidak dimanfaatkan). Walaupun bagaimanapun, penumpang akan dikenakan PSC pelepasan untuk tiket yang dibeli semula.
	Penumpang yang terlepas penerbangan sambungan akibat kesalahan syarikat penerbangan (komersial, teknikal, atau operasional) dan ditempah semula untuk penerbangan lain oleh syarikat penerbangan yang sama dalam masa 24 jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan.	PSC <i>transfer</i> yang telah dibayar untuk tiket asal kekal sah, oleh itu tiada caj PSC tambahan dikenakan kepada penumpang,

		Jika penumpang memutuskan untuk membeli tiket baru dari syarikat penerbangan lain, penumpang akan dikenakan PSC pelepasan untuk tiket yang dibeli semula.
3. Kelewatan semasa transfer	Penumpang yang mengalami kelewatan lebih dari 24 jam akibat kesalahan syarikat penerbangan.	Ya, PSC <i>transfer</i> kekal terpakai.
4. Transfer melebihi 24 jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan	Penumpang yang <i>transfer</i> untuk tempoh melebihi 24 jam.	Tidak, PSC <i>transfer</i> tidak terpakai. Sebaliknya, penumpang akan dikenakan PSC pelepasan dari setiap lapangan terbang keberangkatan.
5. Penumpang self-connecting	Penumpang dengan 2 tiket berasingan untuk tujuan menyambung sendiri penerbangan di lapangan terbang di Malaysia.	Tidak, PSC <i>transfer</i> tidak terpakai. Sebaliknya, penumpang akan dikenakan PSC pelepasan dari setiap lapangan terbang keberangkatan.
6. Penerbangan pergi balik	Penumpang dalam penerbangan pergi balik. (Contoh, Pulau Pinang – KUL Terminal 1 – Pulau Pinang).	Tidak, PSC <i>transfer</i> tidak terpakai. Sebaliknya, penumpang akan dikenakan PSC pelepasan dari setiap lapangan terbang keberangkatan.
7. Pengecualian kepada semua PSC di bawah Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Penerbangan	PSC dan PSC <i>transfer</i> tidak terpakai, antara lain, untuk kumpulan penumpang berikut: 1. Seseorang penumpang dalam transit terus, iaitu, yang meneruskan perjalanan dalam penerbangan yang sama atau yang tidak dibenarkan untuk meninggalkan kawasan lapangan terbang yang dibenarkan untuk	Tidak, PSC <i>transfer</i> tidak terpakai.



Malaysia (Caj Perkhidmatan Penerbangan) 2016	penggunaan penumpang dalam transit, atau yang dengan tidak sengaja ditangguhkan untuk dipindahkan kepada perkhidmatan tersedia yang berikutnya ke tempat mendaratnya yang berikut, disebabkan oleh cuaca atau pesawat udara yang tidak dapat digunakan. <ol style="list-style-type: none">2. Kru pesawat udara.3. Bayi di bawah umur dua (2) tahun.	
---	---	--